



جِبَاتُ خَالِ الْاِحْوَالِ اِكَامِ السَّلَامِ كِتَابَةٌ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

01 SAFAR 1442H/ 18 SEPTEMBER 2020

UMAT BERSYUKUR, HIDUP MAKMUR


Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

(Al- Baqarah, ayat 152)  فَادْكُرُونِيْ اَذْكُرْكُمْ وَاَشْكُرُوْا لِيْ وَلَا تَكْفُرُوْنَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH!


Segala puji bagi Allah, Tuhan Pentadbir seluruh alam yang rahmat-Nya sentiasa kita dambakan. Selawat serta salam kepada Nabi Muhammad SAW, yang syafaatnya kita harapkan pada hari akhirat kelak. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menghindari segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh balasan syurga di akhirat nanti.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Apabila memperkatakan nikmat Allah, ia tidak terhad hanya kepada rezeki berupa harta benda sahaja. Ia meliputi kesempatan hidup di dunia ini, hidup berkeluarga dan beranak-pinak, sihat tubuh badan, keindahan alam sekitar, ketenangan jiwa, aman menjalankan urusan harian dan lain-lain lagi.

Di dalam al-Quran, Allah telah menegaskan bahawa manusia tidak akan berupaya menghitung jumlah nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepada mereka. Malangnya kebanyakan daripada kita selaku makhluk ciptaan Allah terkadang terlupa atau tidak terlintas untuk sekadar mengucapkan "terima kasih" kepada Yang Maha Pemberi, Allah SWT. Orang yang tidak mahu dan tidak tahu berterima kasih dan bersyukur kepada Allah disifatkan sebagai kufur nikmat.

Allah berfirman dalam surah Ibrahim ayat 34:

وَأَتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ 

Maksudnya: *“Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukannya bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya, lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.”*

Sehubungan dengan penegasan Allah tersebut, marilah kita syukuri setiap kurniaan dan takdir Allah SWT buat kita. Jangan kita terlena hingga kita lupa dan mendakwa segala kesenangan serta kejayaan yang kita raih adalah hasil jerih payah kita sendiri, tanpa mengambil kira Allah sebagai Maha Pemberi. Ketahuilah, Allah telah berjanji bahawa kehidupan yang lebih makmur akan dinikmati oleh umat yang tahu dan mahu bersyukur. Manakala azab yang pedih akan menanti orang yang kufur.

PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk menzahirkan rasa syukur terhadap segala nikmat Allah SWT tidaklah memadai dengan hanya bertasbih, bertahmid, bertahlil dan bertakbir sahaja. Paling utama adalah untuk mematuhi segala suruhan Allah dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Dalam erti kata lain, prasyarat utama dalam meraih lebih banyak nikmat sekali gus memakmurkan hidup adalah bertakwa kepada Allah SWT.

Beristighfar atau memohon ampun kepada Allah SWT bukan sahaja merupakan jalan untuk menghapuskan dosa individu Muslim, malahan ia juga merupakan satu cara untuk memperolehi berbagai-bagai jenis rezeki daripada Allah SWT sepeerti air hujan, kebun tanam-tanaman, anak-pinak dan sebagainya. Hal ini dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah an-Nuh, ayat 10 hingga 12 yang bermaksud: *“Sehingga Aku berkata (kepada mereka)” Pohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu; Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”*

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Satu lagi jalan atau cara untuk memakmurkan diri dengan berbagai anugerah Allah SWT ialah melalui jalan sedekah. Untuk bersedekah, tidak semestinya terletak di bahu golongan yang kaya dan berada sahaja. Sesiapapun boleh melakukan sedekah menurut kemampuan masing-masing. Ini kerana, sering-riangan sedekah ialah memberikan senyuman.


Menyentuh kelebihan sedekah ini, Allah SWT menjelaskan dalam surah al-Hadid ayat 18 yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang lelaki yang bersedekah dan orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.*”

Orang yang bersedekah bukan sahaja diganjar rezeki di dunia, malahan akan dibalas dengan pahala berlipat ganda. Dengan pahala yang dikurniakan memungkinkan seseorang yang suka bersedekah kerana Allah beroleh kebahagiaan hidup di akhirat.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil kesimpulan, bahawa nikmat yang diberikan ada tujuannya dan kita yang menikmatinya ada kewajipan masing-masing yang perlu ditunaikan. Salah satu daripada kewajipan kita adalah untuk mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan Allah dan memanfaatkannya pada jalan kebajikan. Dan sesungguhnya, bertakwa kepada Allah, beristighfar dan bersedekah adalah antara bentuk penzahiran rasa syukur terhadap segala nikmat kurniaan Allah. Ketiga-tiga amalan tersebut bukan sahaja mengundang kemakmuran hidup di dunia, malahan menatijahkan kemakmuran yang lebih bermakna dan kekal abadi di akhirat nanti. Insya Allah!

Firman Allah:

 فَأَذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya: “**Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).**” (S. al-Baqarah: 152)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَعَنِّي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.